

Wujudkan mahkamah jenayah siber

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR - Pakar akademik, ahli politik dan badan-badan bukan kerajaan menggesa kerajaan menubuhkan sebuah mahkamah khas bagi mengadili jenayah siber di negara ini berikutan perkembangan pesat teknologi multimedia seperti penggunaan internet dan media sosial.

Pakar politik dan perlembagaan, Prof. Ahmad Atory Husain berkata, penubuhan mahkamah itu perlu dipertimbangkan dengan mengambil kira peningkatan kes jenayah siber di negara ini seperti penggodam laman web dan penyebaran berita-berita palsu melalui laman sosial.

Katanya, kewujudan mahkamah khas itu mampu membantu fungsi mahkamah sedia ada ketika ini yang dilihat tidak dapat menampung kes jenayah siber yang semakin bertambah hingga mengakibatkan kes tersebut lambat selesai.

"Perkembangan pesat dalam bidang teknologi multimedia mengundang peningkatan kes jenayah siber tetapi tindakan atau langkah pencegahan untuk membendung jenayah itu terlalu perlahan dan sedikit," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan *Kosmo!* semalam mengenai beberapa tokoh dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendesak kerajaan mengawal penggunaan media sosial agar tidak disalahgunakan bagi menyebarkan maklumat palsu hingga mencetuskan pergaduhan seperti yang berlaku di Plaza Low Yat, Bukit Bintang, Kuala



AHMAD ATORY



NADZIM



IRMOHIZAM



PENINGKATAN penggunaan internet dan media sosial memerlukan kerajaan mewujudkan undang-undang lebih ketat bagi menghukum pesalah siber.

Alvin dan Vivian beri keterangan



KERATAN *Kosmo!* 16 Julai 2013.

Lumpur awal pagi kelmarin.

Ketua Aktivistis Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan berkata, kewujudan mahkamah khas bagi mengendalikan sesuatu kes tertentu bukan suatu perkara yang baharu di Malaysia kerana terdapat beberapa mahkamah seumpama itu telah ditubuhkan seperti Mahkamah Perusahaan, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Mahkamah Khas Rasuah dan Mahkamah Khas Raja-Raja.

Katanya, kewujudan mahkamah khas tersebut membuktikan kerajaan bersungguh-sungguh dalam membanteras jenayah siber sekali gus mendidik rakyat untuk berfikir dua kali sebelum melakukan sesuatu perkara melalui media sosial dan blog yang menyalahi undang-undang.

"Mahkamah khas ini bukan sahaja bukti kerajaan serius dalam mengawal sesuatu perkara, malah menjadikan ia lebih efisien dan sistematik berbanding dibicarakan di mahkamah sedia ada yang mengendalikan terlalu banyak kes," ujarnya.

Sementara itu, **Ahli Parlimen Kuala Se-**



MAHKAMAH khas jenayah siber perlu ditubuhkan bagi mengelakkan internet dan media sosial disalah guna sehingga mengancam keharmonian dan keselamatan negara.

langor, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, kerajaan perlu meminda Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 sekiranya berhasrat untuk menubuhkan mahkamah khas tersebut.

Irmohizam yang merupakan bekas pensyarah undang-undang universiti awam tempatan berkata, pindaan tersebut perlu mempunyai satu klausa yang menyebut mengenai mahkamah khas jenayah siber seperti peranan, bidang kuasa dan fungsinya.

Bagaimanapun, di bawah akta tersebut, Seksyen 233 ada menyentuh mengenai penyebaran berita palsu melalui alat elektronik yang menetapkan hukuman denda RM50,000.

Selain AKM 1998, Malaysia mempunyai lima akta lain berkaitan antaranya Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatanganan Digital 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Hak Cipta Pindaan 1997 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Tidak ada masalah untuk mewujudkan mahkamah khas jenayah siber, tetapi AKM 1998 perlu dipinda bagi membolehkan mahkamah ini diberi kuasa dengan jelas dalam membicarakan pesalah.

"Sebagai contoh, penubuhan Mahkamah Perusahaan adalah tertakluk seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perhubungan Perusahaan yang mana ia dijelaskan secara terperinci melalui akta berkenaan," ujarnya.

Tambah Irmohizam, melalui pindaan akta tersebut, kerajaan boleh mewajibkan penulis blog memohon lesen atau permit sekiranya mahu mengendalikan laman blog.

INFO Mahkamah khas di Malaysia

● **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia:** Sebuah badan bebas untuk mendengar dan mengadili tuntutan yang difailkan pengguna selain berperanan sebagai saluran alternatif dalam menuntut ganti rugi serta pampasan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

● **Mahkamah Khas Rasuah:** Diperkenalkan pada tahun 2009 bagi mempercepatkan kes membabitkan kesalahan rasuah dengan menjangkakan proses pendakwaan disiapkan dalam tempoh setahun khususnya bagi kes melibatkan kepentingan awam.

● **Mahkamah Perusahaan:** Secara amnya, Mahkamah Perusahaan mengendalikan kes pembuangan pekerja oleh majikan atau yang berkaitan. Mahkamah Perusahaan dianggotai seorang Presiden dan satu panel (dua kumpulan iaitu mewakili kumpulan pekerja dan majikan) yang dilantik oleh Menteri Sumber Manusia.

INFO Dasar negara lain menangani jenayah siber

China: Menjadi negara pertama di dunia yang paling banyak mengenakan sekatan ke atas penggunaan internet apabila lebih 2,600 laman web termasuk enjin carian popular iaitu Google, Wikipedia, YouTube dan Twitter disekat.

Singapura: Mewajibkan pengurusan laman web yang menarik sekurang-kurangnya 50,000 pengunjung unik dalam tempoh sebulan bagi memohon lesen. Pemilik blog dan portal juga perlu memadamkan artikel yang dianggap menentang kerajaan atas arahan pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam.